

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Serta Merta
7 Ogos 2025

Untung Bersih SD Guthrie Meningkat 71% kepada RM1.07 bilion pada Separuh Pertama Tahun 2025

- Operasi Huluhan kekalkan momentum dalam menggandakan keuntungan tahun ke tahun
- Bahagian pembangunan industri berkembang dengan pengumuman usahasama strategik

Petaling Jaya, 7 Ogos 2025 – SD Guthrie Berhad (Guthrie atau Syarikat), mencatatkan keuntungan bersih RM1.07 bilion bagi enam bulan berakhir 30 Jun 2025 (1H FY2025). Pencapaian ini merupakan peningkatan 71% dari tahun ke tahun (YoY) berbanding RM626 juta untung bersih yang dicatatkan pada 1H FY2024. Untuk suku kedua FY2025, Guthrie mencatatkan kenaikan untung bersih sebanyak 22% kepada RM505 juta berbanding RM415 juta dalam tempoh yang sama sebelumnya. Prestasi kukuh Guthrie yang berterusan memperlihatkan daya tahan operasinya, terutamanya dalam segmen Huluhan yang mencatatkan peningkatan keuntungan dua kali ganda pada 1H FY2025.

Dalam tempoh tersebut, segmen Huluhan mendapat manfaat daripada harga purata minyak sawit mentah (MSM) dan isirong sawit (PK) yang meningkat sebanyak 3% dan 50% YoY kepada RM4,146 dan RM3,247 setiap tan metrik (MT). Pengeluaran tandan buah segar (FFB) Syarikat juga meningkat sebanyak 4% berikutan pengeluaran yang lebih tinggi oleh setiap segmen huluhan.

SD Guthrie International (SDGI), segmen Hiliran Syarikat mencatatkan penurunan PBIT sebanyak 44% YoY pada suku kedua FY2025 kepada RM126 juta daripada RM225 juta pada suku yang sama pada TK2024 berikutan landskap perniagaan yang mencabar. Operasi SDGI di seluruh rantau Asia Pasifik dan Eropah dipengaruhi oleh permintaan dan margin yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, prestasi memberangsangkan dicapai di rantau Oceania yang mencatatkan keuntungan operasi yang membanggakan melalui volum dan margin jualan yang lebih tinggi.

Sorotan Utama

	2Q FY2025	2Q FY2024	YoY +/(–)	1H FY2025	1H FY2024	YoY +/(–)
Hasil (RM juta)	5,169	4,965	4%	9,986	9,307	7%
PBIT Berulang (RM juta)	804	646	24%	1,622	1,032	57%
Untung Bersih (RM juta)	505	415	22%	1,072	626	71%
Harga CPO Direalisasikan (RM/MT)	4,146	4,029	3%	4,339	3,961	10%
Pengeluaran FFB (MT juta)	2.29	2.20	4%	4.29	4.17	3%
Kadar Pengekstrakan Minyak (OER) (%)	21.19	20.82	0.37	21.18	21.00	0.18

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani berkata:

"Melangkah ke separuh kedua FY2025, keadaan persekitaran ekonomi dan operasi global masih lagi tidak menentu dan sukar diramalkan. Kemajuan dan peningkatan berterusan yang telah kami capai dalam inisiatif kecemerlangan operasi, serta segmen Pembangunan Perindustrian baharu dan Tenaga Boleh Diperbaharui, akan membantu Guthrie untuk terus bersedia menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan.

Saya gembira dengan perkembangan Guthrie setakat ini dan percaya, pendekatan berdisiplin yang sedang kami laksanakan akan memacu hasil yang boleh diukur dan memberikan nilai jangka panjang serta mampan kepada para pemegang saham."

Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Mohamad Helmy Othman Basha berkata:

"Prestasi Kumpulan pada separuh pertama tahun ini membuktikan keberkesanan strategi mampan dan pelaksanaan berdisiplin yang telah kami laksanakan untuk terus mengutamakan kecemerlangan operasi. Walaupun momentum segmen perniagaan teras kami semakin meningkat, namun tumpuan kepada strategi dan inisiatif pertumbuhan baharu akan tetap kami teruskan dan perluaskan lagi.

Guthrie komited dalam memastikan semua usaha sama pembangunan di kawasan tanah kami dipacu strategi yang berkesan dengan mengambil kira potensi pembangunan kawasan tersebut dan juga impak kepada masyarakat sekitar. Ini sejajar dengan aspirasi pembangunan cabang perniagaan baharu kami yang menyokong agenda pembangunan nasional. Memorandum Persefahaman (MoU) terkini kami bersama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk membangunkan Hab Keterjaminan Makanan dan Teknologi Pendidikan di Pulau Carey adalah salah satu contoh utama komitmen tersebut - tumpuannya bukan sahaja untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di Pulau Carey, tetapi juga untuk memastikan masyarakat sedia ada dan kekayaan warisan terus dilindungi. Guthrie menghargai peluang untuk bersama melibatkan diri dalam pembangunan yang begitu bermakna ini."

TINJAUAN UNTUK FY2025:

Harga MSM dijangka kekal tidak menentu pada separuh kedua 2025 apabila industri memasuki kitaran pengeluaran tinggi, disokong keadaan cuaca yang bertambah baik dan pengurangan permintaan biodiesel dalam persekitaran harga minyak mentah yang rendah, serta ketidaktentuan makroekonomi global yang berterusan. Walaupun harga minyak sawit yang rendah berbanding minyak sayuran lain mampu menyokong permintaan yang lebih kukuh dalam pasaran-pasaran utama, tekanan makroekonomi yang berterusan, ditambah pula dengan ketidaktentuan persekitaran perdagangan global akibat pelaksanaan tarif baharu oleh Amerika Syarikat, akan menambahkan lagi ketidaktentuan kepada persekitaran operasi secara keseluruhan.

Guthrie menjangkakan peningkatan pengeluaran FFB pada separuh kedua tahun ini, disokong oleh keadaan operasi yang lebih baik serta usaha peningkatan produktiviti di seluruh operasi Syarikat di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon. Operasi perniagaan Syarikat di beberapa lokasi di seluruh dunia juga memberikan fleksibiliti yang lebih besar dalam menangani sebarang perubahan dasar perdagangan dan kawalan cukai tempatan. Selain itu, tumpuan kepada cabang-cabang perniagaan baharu dijangka meningkatkan lagi prestasi Syarikat, dan ini mencerminkan pendekatan proaktif Guthrie terhadap pertumbuhan jangka panjang dan momentum kukuh yang akan diteruskan pada separuh kedua tahun ini.

Guthrie terus komited untuk mencapai prestasi berdaya tahan dan berdaya saing yang disokong pelaksanaan strategi dan langkah-langkah proaktif dalam mengemudi persekitaran pasaran yang dinamik.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM32.85 bilion (USD7.77 bilion) setakat 6 Ogos 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Hafiz Noor - Ketua, Komunikasi Strategik**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam - Ketua, Konten & Saluran Penyiaran**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com